

**Ketua BN Pulau Pinang kukuhkan kedudukan Gerakan  
The Malaysian Insider  
19 Mei, 2012  
Oleh Clara Chooi**

KUALA LUMPUR, 19 Mei — Tiga minggu selepas dilantik, Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Teng Chang Yeow telah menggunakan pendekatan tegas melalui mesejnya kepada ahli Gerakan — “bekerja dengan saya atau pergi.”

“Saya sangat tegas dan tidak berselindung. Saya laksanakan apa yang saya katakan. Sesetengah orang mungkin tidak suka pendekatan saya tapi itu masalah mereka. Saya hanya berkata benar walaupun kebenaran itu pahit.

“Hari ini, saya di posisi ini - ada tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Jika anda setuju dengan saya, bekerja dengan saya. Jika tidak, sila jauhkan diri.

“Tapi jika saya diganggu, jangan salahkan saya jika saya berkeras,” katanya memberi amaran kepada ahlinya ketika ditemuramah *The Malaysian Insider* minggu ini.

Setiausaha Agung Gerakan ini yang baru dilantik sebagai Pengerusi BN Pulau Pinang pada 23 April, berdepan tugas sukar untuk menawan kembali negeri tersebut kepada BN dalam pilihan raya akan datang, yang mana ramai menjangkakan mustahil untuk dilakukan dalam pilihan raya umum ke-13 nanti.

Pemerhati melihat Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan pentadbirannya telah melaksanakan tugas dengan baik sejak mengambil alih pada 2008 dan antara kesemua negeri Pakatan Rakyat (PR), Pulau Pinang akan menjadi negeri yang paling sukar untuk ditawan.

Keadaan itu diburukkan dengan pertelagahan antara Gerakan Pulau Pinang dan juga peringkat akar umbi, yang mana pada 2010 menyaksikan kegagalan cubaan penyingkiran pengerusi negeri Datuk Dr Teng Hock Nan.

Sumber percaya sejak itu, Gerakan telah retak daripada pergolakan dalaman dan akan terus kekal lemah walaupun pilihan raya dilaksanakan.

Bagaimanapun, Teng mempunyai pendapat yang berbeza.

Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan BN Pulau Pinang, anak kelahiran Batu Pahat berusia 48 tahun ini telah menghantar mesej yang jelas bagi mengingatkan ahli “pertempuran adalah di luar, bukan di dalam.”

“Saya berharap (pergolakan dalaman) telah selesai. Saya tak mahu ia bertambah. Tapi ia ada, saya tidak menafikannya. Jika saya nafi, saya adalah penipu,” katanya.

“Saya telah berkata kepada mereka - pertempuran di luar, bukan di dalam. Apa yang terjadi di luar bakal menentukan perjuangan kita.”

Katanya, tugas utamanya adalah untuk menyatupadukan ahli Gerakan daripada segala keretakan dan mengarahkan mereka dalam satu tujuan — rampas Pulau Pinang dari PR dalam pilihan raya.

“Perkara dalaman parti boleh diselesaikan selepas pilihan raya,” katanya.

"Siapa musuh utama kita sekarang? Medan perjuangan bukan dalam gelanggang kita sendiri. Sia-sia jika menjadi jaguh sorak di tempat sendiri tapi kita tidak mampu menewaskan musuh di luar."

Tidak menolak masa semakin suntuk, Teng berkata beliau perlu bekerja keras.

Selain menguruskan hubungan dengan Gerakan, ahli politik itu telah merangka pelan komprehensif bagi menarik kembali pengundi kepada BN dan telah meminta bantuan veteran parti untuk menyampaikan amanatnya ke seluruh kawasan Pulau Mutiara tersebut.

Beliau berkata kepada *The Malaysian Insider*, tiada lagi politik komestik, tiada masa membina musuh dan melihat kepada kelemahan musuh politiknya dalam PR.

Sebaliknya, beliau mahu pengundi tahu kenapa mereka perlu memilih BN, yang mana telah berjaya melakukan transformasi besar sejak pilihan raya 2008 di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Teng merancang untuk menambah nilai dan memperbaiki pembangunan Pulau Pinang bagi menjadi sebuah negeri pilihan pelancong antarabangsa dan kawasan kewangan antarabangsa termasuk penubuhan Taman Inovasi Dynamo dan hab akuakultur, menambah baik pembangunan perikanan pesisir pantai dan merapatkan jurang di kawasan pulau dan Tanah Besar.

"Sebab itu saya berkata yang lain - saya tiada masa untuk mencipta musuh. Jika saya perlu meminta maaf atas tindakan saya, saya akan buat kerana pengemis tidak boleh memilih," katanya.

Teng menambah, beliau tidak mempunyai masa untuk melayan karenah mereka yang membangkangnya, kecuali mereka mempunyai idea yang lebih bernilai daripada perancangannya itu.

"Sekarang saya ketua BN negeri, saya telah putuskan ini cara saya dan saya akan laksanakan, saya perlu yakinkan semua pihak - lihat, ini jalan kita. Tiada pilihan lain kecuali ini.

"Saya akan bertanggungjawab terhadap segala tindakan saya," katanya.

Beliau memetik kata-kata pengasas Singapura Lee Kuan Yew, yang banyak memberikannya kata-kata semangat untuk mencapai impian Pulau Pinang.

"Jika saya rasa ia baik untuk rakyat, saya akan pertaruhkan hati dan jiwa saya. Dan jika akar umbi menentang, saya akan tetap jalankan. Ini adalah tugas pemimpin."

Gerakan tersingkir dari Pulau Pinang, negeri yang berada selama 40 tahun dalam genggaman mereka sejak 1969, apabila gagal memenangi walau satu kerusi pada 2008.

Rakan BN mereka, Umno menyelamatkan 11 kerusi daripada 40 kerusi DUN manakal parti PR, DAP, PKR, dan PAS masing-masing memperoleh 19, sembilan, dan satu kerusi.

Walaupun Umno berjaya menarik pengundi Melayu, parti itu masih memerlukan bantuan dan sokongan Gerakan serta MCA bagi menarik undi masyarakat Cina. Daripada 40 kerusi, 22 adalah kerusi majoriti masyarakat Cina.

Dalam pilihan raya akan datang, Umno akan bertanding di 15 kerusi, Gerakan 13, MCA 10, dan MIC dia kerusi.

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ketua-bn-pulau-pinang-kukuhkan-keputusan-gerakan/>